

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

**YKA 103 – Komunikasi dan Masyarakat**

Masa: 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan 4 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

**Jawab TIGA (3) soalan. Soalan 1 diwajibkan. Semua jawapan mesti ditulis dalam Bahasa Malaysia.**

*Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.*

1. Seorang pembaca yang menghantar surat kepada ruangan Remaja Menulis dalam Utusan Malaysia baru-baru ini berpendapat bahawa "nilai hidup Barat yang ditonjolkan melalui media sedikit-sedikit telah menggugat nilai-nilai murni masyarakat. Ciri-ciri keganasan, seks serta keruntuhan rumah tangga mula mempengaruhi pemikiran remaja yang menjadi penonton majoriti."

Bincangkan pendapat ini dengan contoh-contoh.

(100 markah)

2. Sejarah persuratkhabaran di Malaysia menunjukkan bahawa pergolakan dalam masyarakat mempengaruhi perkembangan media tersebut. Pilih dua daripada akhbar berikut dan jelaskan perhubungan perkembangannya dengan keadaan masyarakat:

- (a) Tamil Malar  
(b) Utusan Melayu  
(c) Nanyang Siang Pao  
(d) New Straits Times  
(e) Al-Imam  
(f) Utusan Sarawak  
(g) Jawi Peranakan

(100 markah)

...2/-

3. Berbagai cara telah digunakan oleh pihak berkuasa untuk membendung kebebasan bersuara di negara ini. Salah satu cara ialah melalui perundangan. Jelaskan dua daripada undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia. Huraikan implikasinya terhadap kebebasan media.

(100 markah)

4. Sejauh manakah pertambahan saluran radio dapat memupuk perkongsian makna di kalangan rakyat Malaysia? Bincangkan dengan contoh-contoh.

(100 markah)

-0000000-